

22 JUN 2002

Umno-Hamid (gulung)

ABDUL HAMID ANGGAP DR MAHATHIR ORANG PALING SOLEH DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman hari ini menyanjung tinggi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menganggap beliau orang yang paling "soleh" di Malaysia kerana memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Beliau berkata Al Quran menyebut bahawa orang soleh itu ialah orang yang menjaga kepentingan di atas muka bumi ini dan perkataan soleh dalam bahasa Arab ialah orang yang berguna untuk orang lain.

"Pada hari ini kalau kita nak cari orang yang paling soleh di Malaysia ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencari jalan di sana sini untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat," katanya ketika menggulung perbincangan mengenai Agama dan Sosial pada Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdul Hamid berkata Dr Mahathir telah memberi sumbangan besar dalam pelbagai bidang untuk kesejahteraan rakyat termasuk membangunkan teknologi maklumat (IT) yang sangat-sangat dikehendaki dalam era globalisasi ini.

Beliau berkata pengertian soleh tidak boleh disempitkan dengan hanya mengatakan orang yang kuat beribadat seperti mengerjakan kiamullail di masjid sebagai orang yang soleh.

"Dalam Al Quran menyebut bahawa di muka bumi ini dijaga dan diwarisi oleh hambanya yang soleh tetapi penjajah mengajar kita bahawa orang yang soleh itu ialah orang yang beribadat untuk dirinya dan soleh untuk masuk syurga.

Katanya mereka yang memberi perkhidmatan kepada rakyat dan tanpa mereka rakyat akan menjadi susah, adalah merupakan orang paling soleh.

"Bagi kita (merujuk kepada anggota perwakilan) orang yang menjaga elektrik ini adalah orang soleh kerana sepanjang tiga hari kita berada di sini, kalau mereka tidak ada persidangan tak jadi, cakap pun tak boleh panjang-panjang orang tak dengar," katanya.

Beliau berkata kerajaan dan Umno akan menjelaskan kepada rakyat siapakah orang soleh agar tidak mudah dikelirukan oleh pihak yang cuba melemahkan umat Islam iaitu lebih mengutamakan untuk masuk syurga dan meninggalkan urusan dunia.

Abdul Hamid yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) berkata Umno akan mempertingkatkan usaha memartabatkan Islam dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

--BERNAMA

BD ZS RON